

## Penyata Kewangan 2006

- 212** Laporan Para Pengarah
- 217** Penyata Para Pengarah
- 217** Akaun Berkanun
- 218** Laporan Juruaudit kepada  
Para Ahli Tien Wah Press Holding Berhad
- 219** Kunci Kira-Kira
- 220** Penyata Pendapatan
- 221** Penyata Perubahan Ekuiti
- 222** Penyata Aliran Tunai
- 224** Nota Penyata Kewangan

# LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegang pelaburan manakala aktiviti subsidiarinya adalah ditunjukkan pada Nota 5 penyata kewangan. Tidak ada sebarang perubahan ketara pada aktiviti-aktiviti tersebut sepanjang tahun kewangan ini.

## KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun ini	8,437	8,764

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pemindahan utama kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada sepanjang tahun tersebut.

## DIVIDEN

Semenjak berakhirnya tahun kewangan yang lalu, Syarikat telah membayar:

- i) dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 10% bagi setiap saham biasa dan dividen khas dikecualikan cukai sebanyak 2% bagi setiap saham biasa yang berjumlah RM5,452,392 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 pada 14 Julai 2006; dan
- ii) dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 5% bagi setiap saham biasa dan dividen khas dikecualikan cukai sebanyak 5% bagi setiap saham biasa berjumlah RM4,555,760 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 pada 9 Oktober 2006.

Para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 5% bagi setiap saham biasa berjumlah RM2,281,870 bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

## PARA PENGARAH SYARIKAT

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas terdiri daripada:

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff (dilantik pada 20.11.2006)  
 Gary Yen (dilantik pada 20.11.2006)  
 Lt. Jen. (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hassan  
 Chan Fook Kong  
 Mej. Jen. (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman  
 Mej. Jen. (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin  
 Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow (dilantik pada 20.11.2006)  
 Michael Basil Rosario (dilantik pada 20.11.2006)  
 Ng Yick Hing (dilantik pada 20.11.2006)  
 Tung Kum Hon (dilantik pada 20.11.2006)  
 Dato' Tan Guan Cheong (dilantik pada 20.11.2006) (meletak jawatan pada 15.1.2007)  
 Wong Weng Foo (meletak jawatan pada 30.8.2006)  
 Dr. Lai Mei Ling (meletak jawatan pada 20.11.2006)

## LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

### PARA PENGARAH SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Dato' Syed Md Amin bin Syed Jan Aljeffri (meletak jawatan pada 16.11.2006)  
 Peter Roderick Downing (meletak jawatan pada 16.11.2006)  
 Tengku Makram bin Tengku Ariff (meletak jawatan pada 10.7.2006)  
 Geh Cheng Hooi (meletak jawatan pada 16.11.2006)

### KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Pegangan dan yang dianggap sebagai pemegang saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya (selain daripada subsidiari yang dimiliki sepenuhnya) merupakan para Pengarah pada tahun berakhir seperti yang dicatatkan dalam buku Daftar Pengarah Pemegang Saham adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa pada RM1.00 sesaham			
	Pada 1.1.2006	Dibeli	Dijual/ Dipindah	Pada 31.12.2006
Pegangan saham yang para Pengarah mempunyai kepentingan langsung				
Kepentingan Chan Fook Kong Syarikat	-	50,000	(50,000)	-

Menurut tawaran keempat Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS") Syarikat pada 24 Februari 2003 dan tawaran kelima Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS") Syarikat pada 20 April 2006, Syarikat telah menerima kebenaran daripada Suruhanjaya Komisen Malaysia tentang pengecualian pendedahan nama para Pengarah dan bilangan opsyen yang diterima sepanjang masa ini.

Tidak ada Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2006 mempunyai sebarang kepentingan saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

### MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah Syarikat menerima atau berlayak menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang telah diterima atau dihutang dan akan diterima oleh para Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitannya) atas sebab-sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitannya dengan Pengarah atau dengan firma yang Pengarah berkenaan merupakan seorang ahli, atau dengan sebuah syarikat yang Pengarah memiliki kepentingan kewangan yang besar.

Tidak ada sebarang urusan sepanjang tahun ini dan pada akhir tahun kewangan yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang perbadanan yang lain, selain dari Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS") Syarikat.

### TERBITAN SAHAM

Sepanjang tahun kewangan, pihak Syarikat telah menerbitkan 275,800 saham biasa yang bernilai RM1 sesaham pada harga terbitan RM1.30 hingga RM1.80 sesaham selaras dengan pelaksanaan hak di bawah ESOS.

Tidak ada perubahan lain pada modal yang diluluskan, diterbitkan dan berbayar Syarikat.

## LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

### OPSYEN DIBENARKAN KE ATAS SAHAM-SAHAM BELUM DITERBITKAN

Tidak ada sebarang opsiyen diberikan kepada sesiapa untuk memiliki saham-saham yang belum diterbitkan bagi Syarikat sepanjang tahun ini kecuali ESOS.

Satu mesyuarat agung luarbiasa telah diadakan pada 5 Februari 1998, para pemegang saham telah meluluskan penubuhan ESOS dengan syarat tidak melebihi 10% daripada modal saham terbitan Syarikat untuk manfaat eksekutif yang layak dan para Pengarah eksekutif dan pekerja sepenuh masa Kumpulan.

Ciri-ciri penting ESOS adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah bilangan saham-saham yang tersedia adalah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan dan berbayar Syarikat pada sebarang masa dalam tempoh kewujudan ESOS.
- (ii) Semua eksekutif yang layak termasuk para Pengarah eksekutif Kumpulan sepenuh masa yang telah berkhidmat secara berterusan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari Tarikh Tawaran sementara semua eksekutif asing sepenuh masa mesti berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tawaran.
- (iii) Opsyen tidak akan diberikan untuk saham yang kurang daripada 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham, kecuali penerima opsiyen adalah berhak untuk saham yang bukan dalam angka kandungan 1,000 pada opsiyen terakhir ini.
- (iv) Harga Opsyen adalah ditentukan melalui sebutharga pasaran min purata saham biasa Syarikat seperti tersebut dan ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian oleh Bursa Malaysia Sekuriti Berhad untuk lima (5) hari pasaran sebelum Tarikh Tawaran atau pada nilai tara saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi.
- (v) ESOS akan terus berkuatkuasa untuk tempoh selama lima (5) tahun bermula dari tarikh penerimaan kelulusan syarat terakhir. ESOS telah dipanjangkan selama lima (5) tahun lagi dari 5 Februari 2003 - 4 Februari 2008.

Opsyen yang ditawarkan untuk mengambil saham biasa yang belum diterbitkan berharga RM1 sesaham dan harga opsiyen adalah seperti berikut:

Opsyen	Harga opsiyen	Pada 1.1.2006	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa RM1 sesaham		Pada 31.12.2006
			Diberi	Diterima	
Pertama	1.30	178,200	-	(131,800)	46,400
Kedua	1.80	212,600	-	(9,000)	203,600
Ketiga	1.93	-	-	-	-
Keempat	1.32	199,000	-	(135,000)	64,000
Kelima	2.31	338,000	-	-	338,000
		927,800	-	(275,800)	652,000

Pada 2 Januari 2003, Syarikat telah mendapat kebenaran dari Suruhanjaya Sekuriti tentang pemanjangan jangkamasa ESOS ke tempoh lima (5) tahun lagi dari 5 Februari 2003 hingga 4 Februari 2008 ("Cadangan Penambahan Jangkamasa"). Cadangan Penambahan Jangkamasa ini telah diluluskan oleh pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 29 Januari 2003.

## LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

### OPSYEN DIBENARKAN KE ATAS SAHAM-SAHAM BELUM DITERBITKAN (SAMBUNGAN)

Menurut tawaran keempat, ESOS Syarikat pada 24 Februari 2003, Syarikat telah menerima kebenaran dari Suruhanjaya Komisen Malaysia supaya tidak perlu mendedahkan nama pemegang opsiyen yang diberi opsiyen agregat yang kurang daripada 100,000 opsiyen. Nama pemegang opsiyen dan bilangan opsiyen yang diberi melebihi agregat 100,000 adalah seperti berikut:

Nama Pemegang Opsyen	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa RM1 sesaham			
	Pada 1.1.2006	Diberi pada tahun ini	Diterima pada tahun ini	Pada 31.12.2006
Ow Chee Fook	95,000	-	(50,000)	45,000

Pada 20 April 2005, opsiyen telah ditawarkan kepada kakitangan yang layak dengan sebanyak 361,000 saham biasa berharga RM1.00 sesaham yang diterbitkan pada harga opsiyen RM2.31 sesaham mengikut hakmilik peraturan ESOS dengan tunai.

Menurut tawaran kelima, ESOS Syarikat pada 20 April 2005, syarikat telah menerima kebenaran dari Suruhanjaya Komisen Malaysia supaya tidak perlu mendedahkan nama pemegang opsiyen yang diberi opsiyen agregat yang kurang daripada 48,000 opsiyen. Nama pemegang opsiyen dan bilangan opsiyen yang diberi agregat melebihi 48,000 adalah seperti berikut:

Nama Pemegang Opsyen	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa RM1 sesaham			
	Pada 1.1.2006	Diberi pada tahun ini	Diterima pada tahun ini	Pada 31.12.2006
Ong Liang Win	48,000	-	-	48,000

### INFORMASI BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan, dan
- ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada kos yang terendah dan nilai bersih yang diperolehi bersih.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- i) yang mungkin menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dilupuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu, dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara, atau
- ii) yang mungkin menyebabkan hasil nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau
- iii) yang telah timbul dan mungkin menyebabkan kepatuhan kepada cara penilaian harta atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv) yang tidak meliputi dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang mungkin menyebabkan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

### INFORMASI BERKANUN LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran keatas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak tahun kewangan ini dan menjadi sandaran terhadap sebarang liabiliti pihak lain, atau
- ii) sebarang liabiliti kontigen berkaitan dengan Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Tidak ada liabiliti kontigen atau liabiliti lain dari mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang telah dikuatkuasa, atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan ini, pada pendapat para Pengarah, ia mungkin akan menjejaskan kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab masing-masing apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 tidak dipengaruhi oleh sebarang perkara, transaksi atau peristiwa penting dan perkara luar biasa atau sebarang perkara, transaksi atau perkara yang berlaku dalam tempoh tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

### JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:



.....  
**Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff**



.....  
**Chan Fook Kong**

Petaling Jaya,


Tarikh: 26 Februari 2007

## PENYATA PARA PENGARAH

selaras dengan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 219 hingga 248 adalah selaras dengan provisi Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama ke atas semua hal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2006 dan aliran tunai dan operasinya bagi tahun berakhirnya pada tarikh tersebut.

Ditandatangani menurut resolusi para Pengarah:



Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff



Chan Fook Kong

Petaling Jaya,

Tarikh: 26 Februari 2007

## AKUAN BERKANUN

selaras dengan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Lilian Leong Lai Yoong, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Tien Wah Press Holdings Berhad, sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 219 hingga 248, bagi pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh keyakinan bahawa ia adalah benar menurut provisi Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui benar oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2007.



Lilian Leong Lai Yoong

Di hadapan saya:

Raman Kunyapu

Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur

Tarikh: 26 Februari 2007

# LAPORAN JURUAUDIT

kepada para Ahli Tien Wah Press Holdings Berhad

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 219 hingga 248. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah memperolehi pandangan bebas, berdasarkan audit kami mengenai penyata kewangan, dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai bahagian utama menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan tidak ada tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sesiapa terhadap kandungan laporan ini

Kami menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Audit Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah penyataan yang ketara. Audit ini termasuk penilaian, asas pemeriksaan, bukti mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian kecukupan keseluruhan pembentangan maklumat yang cukup dalam penyata kwangan ini. Kami yakin bahawa audit kami memberi pendapat yang munasabah.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sempurna mengikut provisi Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan untuk syarikat selain daripada syarikat swasta yang ditepatkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang:
  - i) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2006 dan keputusan operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - ii) perkara yang dikehendaki di bawah Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki di bawah Akta Syarikat, 1965 disimpan oleh Syarikat dan syarikat subsidiarinya yang kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut provisi Akta tersebut.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiarinya yang telah bergabung dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan sewajarnya untuk penyediaan penyata kewangan yang bergabung dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan untuk tujuan tersebut.

Laporan audit tentang penyata kewangan syarikat subsidiarinya tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang komen di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.



**KPMG**  
No. Firma: AF 0758  
Akauntan Bertauliah



**Johan Idris**  
Rakan firma  
Nombor kelulusan: 2585/10/08(J)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 26 Februari 2007

**KUNCI KIRA-KIRA**

pada 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000 dinyatakan semula	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aset</b>					
Hartanah, logi dan peralatan	3	64,563	46,831	-	-
Pembayaran pajakan prabayar	4	13,330	13,630	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	5	-	-	56,711	56,711
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	6	4,507	4,184	1,500	1,500
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>82,400</b>	<b>64,645</b>	<b>58,211</b>	<b>58,211</b>
<b>Aset semasa</b>					
Pelaburan lain	7	6,085	5,000	3,818	3,000
Penghutang, deposit dan pembayaran prabayar	8	20,805	11,572	49,418	51,113
Inventori	9	26,842	31,184	-	-
Aset cukai semasa		3,084	28	3,014	-
Tunai dan setara tunai	10	17,666	36,338	47	29
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>74,482</b>	<b>84,122</b>	<b>56,297</b>	<b>54,142</b>
<b>Jumlah aset</b>		<b>156,882</b>	<b>148,767</b>	<b>114,508</b>	<b>112,353</b>
<b>Ekuiti:</b>					
Modal saham	11	45,637	45,362	45,637	45,362
Rizab	12	73,589	74,844	65,757	66,910
<b>Jumlah ekuiti diagihkan kepada pemegang saham Syarikat</b>		<b>119,226</b>	<b>120,206</b>	<b>111,394</b>	<b>112,272</b>
<b>Kepentingan minoriti</b>		<b>10,907</b>	<b>10,347</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>130,133</b>	<b>130,553</b>	<b>111,394</b>	<b>112,272</b>
<b>Liabiliti</b>					
Manfaat pekerja	13	1,345	2,952	-	-
Liabiliti cukai tertunda	14	9,672	7,303	-	-
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>11,017</b>	<b>10,255</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Pemiutang dan bayaran terakru	15	11,469	7,471	96	81
Pinjaman (tidak bercagar)	16	1,245	-	-	-
Liabiliti cukai semasa		-	488	-	-
Liabiliti cukai tertunda	14	3,018	-	3,018	-
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>15,732</b>	<b>7,959</b>	<b>3,114</b>	<b>81</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>26,749</b>	<b>18,214</b>	<b>3,114</b>	<b>81</b>
<b>Total ekuiti dan liabiliti</b>		<b>156,882</b>	<b>148,767</b>	<b>114,508</b>	<b>112,313</b>

Nota-nota pada mukasurat 224 hingga 248 merupakan bahagian utama penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000 dinyatakan semula	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Hasil</b>					
- Jualan barangan		115,814	113,769	-	-
- Dividen kasar dari subsidiari tidak disebutbarga		-	-	12,720	36,500
		115,814	113,769	12,720	36,500
Kos jualan		(91,979)	(89,846)	-	-
<b>Keuntungan kasar</b>		23,835	23,923	12,720	36,500
Pendapatan lain		1,712	446	943	30
Perbelanjaan pengedaran		(4,206)	(2,697)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(8,201)	(6,643)	(1,494)	(701)
Perbelanjaan lain		(343)	(42)	-	-
<b>Hasil dari aktiviti operasi</b>		12,797	14,987	12,169	35,829
Pendapatan faedah		808	696	29	41
Kos kewangan		(2)	(110)	-	-
<b>Keuntungan operasi</b>	17	13,603	15,573	12,198	35,870
Bahagian keuntungan selepas cukai ekuiti syarikat bersekutu		323	699	-	-
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		13,926	16,272	12,198	35,870
Perbelanjaan cukai	19	(3,862)	(3,185)	(3,434)	(10,220)
<b>Keuntungan bersih bagi tahun ini</b>		10,064	13,087	8,764	25,650
Diagihkan kepada:					
Pemegang saham Syarikat		8,437	10,936	8,764	25,650
Kepentingan minoriti		1,627	2,151	-	-
<b>Keuntungan bersih bagi tahun ini</b>		10,064	13,087	8,764	25,650
<b>Keuntungan asas sesaham biasa (sen)</b>	20	18.5	24.2		
<b>Keuntungan kecairan sesaham biasa (sen)</b>	20	18.5	24.1		

Nota-nota pada mukasurat 224 hingga 248 merupakan bahagian utama penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

	← Diagihkan kepada pemegang saham Syarikat →		← Tidak boleh diagihkan →		← Boleh diagihkan →		Kepentingan minoriti	Jumlah ekuiti
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab Keuntungan tersimpan RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000		
<b>Kumpulan</b>	<b>Nota</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Pada 1 Januari 2005</b>		45,113	31,655	1,000	4,652	33,327	10,156	125,903
Keuntungan bagi tahun ini		-	-	-	-	10,936	2,151	13,087
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	21	-	-	-	-	(6,804)	-	(6,804)
Dividen kepada pemegang saham minoriti subsidiari		-	-	-	-	-	(1,960)	(1,960)
Terbitan saham		249	78	-	-	-	-	327
<b>Pada 1 Januari 2006</b>		45,362	31,733	1,000	4,652	37,459	10,347	130,553
Keuntungan bagi tahun ini		-	-	-	-	8,437	1,627	10,064
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	21	-	-	-	-	(10,008)	-	(10,008)
Dividen kepada pemegang saham minoriti subsidiari		-	-	-	-	-	(1,067)	(1,067)
Penilaian semula hartanah		-	-	-	226	-	-	226
Terbitan saham		275	90	-	-	-	-	365
<b>Pada 31 Disember 2006</b>		45,637	31,823	1,000	4,878	35,888	10,907	130,133
<b>Syarikat</b>	<b>Nota</b>	<b>Modal saham RM'000</b>	<b>Premium saham RM'000</b>	<b>Rizab modal RM'000</b>	<b>Rizab Penilaian semula RM'000</b>	<b>Rizab Keuntungan tersimpan RM'000</b>	<b>Keuntungan tersimpan RM'000</b>	<b>Jumlah ekuiti RM'000</b>
<b>Pada 1 Januari 2005</b>		45,113	31,655	-	-	-	16,330	93,098
Keuntungan bagi tahun ini		-	-	-	-	-	25,651	25,651
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	21	-	-	-	-	-	(6,804)	(6,804)
Terbitan saham		249	78	-	-	-	-	327
<b>Pada 31 Disember 2005</b>		45,362	31,733	-	-	-	35,177	112,272
Keuntungan bagi tahun ini		-	-	-	-	-	8,764	8,764
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	21	-	-	-	-	-	(10,008)	(10,008)
Terbitan saham		275	91	-	-	-	-	366
<b>Pada 31 Disember 2006</b>		45,637	31,824	-	-	-	33,933	111,394

Nota-nota pada mukasurat 224 hingga 248 merupakan bahagian utama penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000 Dinyatakan semula	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>				
Keuntungan sebelum cukai	13,926	16,272	12,198	35,870
<i>Pelarasan bagi:</i>				
Pelunasan bayaran pajakan prabayar	4 300	281	-	-
Perubahan dalam nilai saksama pelaburan unit trust	(1,085)	-	(818)	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3 4,061	5,945	-	-
Pendapatan dividen	-	-	(12,720)	(36,500)
Perbelanjaan faedah	2	110	-	-
Keuntungan daripada penjualan subsidiari	-	(30)	-	(30)
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(201)	-	(125)	-
Pendapatan faedah	(808)	(696)	(29)	(41)
Inventori dihapuskira	654	197	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	67	30	-	-
Provisi manfaat persaraan (keuntungan bersih aktuari yang berobligasi)	13 1,937	457	-	-
Bahagian keuntungan ekuiti dalam syarikat bersekutu	(323)	(699)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	18,530	21,867	(1,494)	(701)
Perubahan dalam inventori	3,688	3,800	-	-
Perubahan penghutang dan bayaran terakru	1,248	75	14	(135)
Perubahan pemiutang, deposit dan pembayaran prabayar	(9,205)	3,378	286	(25,476)
<b>Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi</b>	14,261	29,120	(1,194)	(26,312)
Dividen diterima	-	-	1,110	32,730
Faedah diterima	808	696	29	41
Manfaat persaraan dibayar	13 (823)	(375)	-	-
Cukai dibayar	(2,118)	(1,923)	-	-
Cukai dibayar balik	20	8	20	8
<b>Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi</b>	12,148	27,526	(35)	6,467

## PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti melabur</b>					
Pengambilalihan pelaburan		-	(2,000)	-	-
Pengambilalihan hartanah, loji dan peralatan	3	(21,793)	(1,274)	-	-
Pengedaran modal kepada pemegang saham minoriti dari penjualan subsidiari		-	(1)	-	-
Kutipan dari penjualan syarikat subsidiari		-	30	-	30
Kutipan dari penjualan hartanah, loji dan peralatan		439	-	125	-
Pembayaran balik dari subsidiari		-	-	9,570	-
<b>Tunai bersih (digunakan)/ dijana daripada aktiviti pelaburan</b>		<b>(21,354)</b>	<b>(3,245)</b>	<b>9,695</b>	<b>30</b>
<b>Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan</b>					
Penerimaan jurubank		1,245	(5,825)	-	-
Pembayaran dividen kepada pemegang saham	21	(10,008)	(6,804)	(10,008)	(6,804)
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti		(1,067)	(1,960)	-	-
Faedah dibayar		(2)	(110)	-	-
Kutipan daripada terbitan modal saham		366	327	366	327
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>		<b>(9,466)</b>	<b>(14,372)</b>	<b>(9,642)</b>	<b>(6,477)</b>
<b>Tambahan bersih/(kekurangan) dalam tunai dan setara tunai</b>					
		(18,672)	9,909	18	20
<b>Tunai dan setara tunai pada 1 Januari</b>		<b>36,338</b>	<b>26,429</b>	<b>29</b>	<b>9</b>
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b>		<b>17,666</b>	<b>36,338</b>	<b>47</b>	<b>29</b>

Tunai dan setara tunai dalam penyata aliran tunai mengandungi jumlah kunci kira-kira berikut:

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Deposit	10	16,054	33,300	-	-
Tunai dan baki bank	10	1,612	3,038	47	29
		17,666	36,338	47	29

Nota-nota pada mukasurat 224 hingga 248 merupakan bahagian utama penyata kewangan ini.

# NOTA PENYATA KEWANGAN

Tien Wah Press Holdings Berhad merupakan syarikat liabiliti berhad awam yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai di Papan Kedua Bursa Malaysia Securities Berhad. Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan adalah seperti berikut:

## Pejabat berdaftar

Level 7, Setia 1  
15 Lorong Dungun  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

## Tempat utama perniagaan

9 & 11, Jalan Semangat  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 terdiri daripada Syarikat dan subsidiarinya (bersama dirujuk sebagai Kumpulan) serta kepentingan Kumpulan dalam syarikat sekutunya.

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat pemegang pelaburan manakala aktiviti subsidiarinya adalah ditunjukkan pada Nota 5 penyata kewangan. Tidak ada sebarang perubahan ketara pada aktiviti-aktiviti tersebut sepanjang tahun kewangan ini.

Syarikat pemegang terdekat dan muktamad sepanjang tahun kewangan ini adalah Singapore Pacific Investments Pte Ltd dan New Toyo International Holdings Ltd. Kedua-dua syarikat ini ditubuhkan di Singapura.

## 1. ASAS PENYEDIAAN

### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan untuk syarikat selain daripada syarikat swasta yang ditepatkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), prinsip perakaunan yang diterima secara umum di Malaysia dan provisi Akta Syarikat, 1965. Penyata kewangan ini juga mematuhi provisi pendedahan Syarat-Syarat Tersenarai Bursa Malaysia Securities Berhad.

MASB telah mengeluarkan Piawaian Laporan Kewangan (ERS) dan Intreprestasi di bawah yang efektif bagi tempoh tahunan kewangan bermula selepas 1 Januari 2006, dan semua ini belum digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini:

Piawaian/Interpretasi	Tarikh berkuatkuasa
FRS 117, Pajakan	1 Oktober 2006
FRS 124, Pendedahan Pihak Berkaitan	1 Oktober 2006
FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengolahan dan Pengukuran Belum diumumkan	
Perubahan Pindaan kepada FRS 119 <sub>2004</sub> , Manfaat Pekerja-Pendedahan Keuntungan dan kerugian Aktuari, Perancangan dan Pendedahan Kumpulan	1 Januari 2007
FRS 6, Penerokaan untuk dan Penilaian Sumber-sumber Galian	1 Januari 2007
Pindaan kepada FRS 121, Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing	
– Pelaburan bersih daripada asing operasi	1 Julai 2007
IC Tafsiran 1, Pertukaran wujud dalam penyahtauliah, pemulihan dan tanggungan yang serupa.	1 Julai 2007
IC Tafsiran 2, Saham dalam koperasi entiti-entiti dan instrumen yang serupa.	1 Julai 2007

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

#### (a) Penyata pematuhan (Sambungan)

IC Tafsiran 5, Hak-hak kepada faedah muncul daripada penyahtauliah, pemulihan dan dana-dana pemulihan alam sekitar.	1 Julai 2007
IC Tafsiran 6, Tanggungan yang muncul daripada menyertai dalam satu khusus pasaran – Bahan Buangan Elektrik dan Elektronik.	1 Julai 2007
IC Tafsiran 7, Menggunakan pendekatan penyataan semula di bawah FRS 120 <sub>2004</sub> Laporan Kewangan dalam Ekonomi.	1 Julai 2007
IC Tafsiran 8, Skop FRS 2	1 Julai 2007

Dalam set penyata kewangan ini, Kumpulan telah awal memilih untuk menggunakan FRS 117, Pajak dan FRS 124, Pendedahan Pihak Berkaitan.

Penggunaan awal piawai lain dan tafsiran-tafsiran tidak dijangka mempunyai apa-apa kesan utama terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Kesan menggunakan FRS versi baru/disemak pada tahun 2006 telah dinyatakan dalam Nota 27.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Februari 2007.

#### (b) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut asas kos sejarah kecuali bagi pelaburan lain seperti yang diterang dalam nota dasar perakaunan masing-masing.

#### (c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata-penyata kewangan ini telah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM), merupakan matawang fungsi Syarikat. Semua maklumat kewangan yang dikemukakan dalam RM telah dihampirkan kepada nilai ribu terdekat kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### (d) Penggunaan anggaran dan penilaian

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah asset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang dibuat akan disemak dari masa ke masa. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam tempoh masa depan yang berkaitan.

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan dibentangkan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dikemukakan dalam penyata kewangan ini, dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Beberapa jumlah perbandingan telah dikelaskan semula agar selaras dengan pembentangan tahun semasa.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Asas penyatuan

##### (i) *Subsidiari*

Subsidiari adalah syarikat, termasuk entiti-entiti tidak diperbadankan yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah entiti bagi memperoleh manfaat daripada aktivitinya. Dalam menilai kawalan, hak mengundi berpotensi yang boleh dilaksanakan kini telah diambil kira.

Penyata kewangan subsidiarinya disertakan dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan berkuatkuasa sehingga ke tarikh tamat kawalan berkenaan.

Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos tolak kerugian penurunan nilai, kecuali pelaburan berkenaan dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan (atau dimasukkan dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan).

##### (ii) *Syarikat bersekutu*

Syarikat bersekutu merupakan entiti, termasuk entiti-entiti tidak diperbadankan di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, ke atas polisi-polisi kewangan dan operasinya.

Syarikat bersekutu dimasukkan dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah ekuiti kecuali dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan). Penyata kewangan disatukan termasuk bahagian pendapatan dan perbelanjaan ekuiti syarikat bersekutu Kumpulan selepas pelarasan untuk menyesuaikan dasar perakaunan tersebut dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting berkuatkuasa sehingga tarikh pengaruh penting tamat.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam ekuiti syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan berkenaan (termasuk sebarang pelaburan jangka masa panjang) akan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya tidak diteruskan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak pelabur.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos tolak kerugian penurunan nilai, kecuali pelaburan berkenaan dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan).

##### (iii) *Transaksi dihapuskan ke atas penyatuan*

Baki-baki antara kumpulan, serta sebarang pendapatan dan perbelanjaan dari transaksi antara kumpulan, adalah dihapuskan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan yang belum direalisasi daripada transaksi dengan ekuiti pelabur adalah dihapuskan sejauh mana kepentingan Kumpulan terhadap pelabur. Kerugian yang belum direalisasi dihapuskan dengan cara yang sama seperti keuntungan belum direalisasi, tetapi hanya pada tahap tiada bukti penurunan nilai.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (b) Matawang asing

##### (i) *Transaksi matawang asing*

Transaksi dalam matawang asing ditukar kepada matawang fungsi entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertunaran pada tarikh transaksi dilakukan.

Aset dan liabiliti monetari disebut dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukar semula kepada matawang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh berkenaan. Aset dan liabiliti bukan monetari disebut dalam matawang asing, yang diukur pada nilai saksama ditukar semula kepada matawang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh yang nilai saksama ditentukan. Perbezaan pertukaran matawang asing yang terjadi pada penukaran semula adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### (c) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan memegang instrumen kewangan derivatif untuk membataskan risiko terhadap matawang asing dan kadar faedah.

Kontrak pertukaran matawang asing hadapan yang digunakan diambil kira dalam asas sesama pada aset, liabiliti atau kedudukan bersih. Setiap keuntungan atau kerugian akan diiktiraf dalam asas yang sama terhasil daripada aset, liabiliti atau kedudukan bersih.

#### (d) Hartanah, loji dan peralatan

##### (i) *Pengiktirafan dan pengukuran*

Hartanah, loji dan peralatan telah dinyatakan pada kos / penilaian tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai.

##### ***Hartanah, loji dan peralatan di bawah model penilaian semula***

Pihak Kumpulan menilai semula bangunannya setiap 5 tahun dan pada jangka masa yang lebih singkat sekiranya nilai saksama aset yang telah dinilai semula adalah dijangka berbeza dengan ketara berbanding dengan nilai bawanya.

Lebihan yang disebabkan oleh penilaian semula tersebut diambil kira di dalam akaun rizab penilaian semula hartanah. Sebarang defisit yang terhasil akan diimbangi oleh rizab penilaian semula setakat peningkatan sebelumnya bagi hartanah yang sama. Untuk perkara lain, penurunan nilai pegangan akan dicaj kepada penyata pendapatan.

##### (ii) *Kos seterusnya*

Kos menggantikan alat gantian butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa butiran berkenaan jika terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depannya akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya boleh diukur dipercayai. Kos servis harian terhadap hartanah, loji dan peralatan diiktiraf berlaku dalam penyata pendapatan.

##### (iv) *Susutnilai*

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan setiap alat gantian butiran hartanah, loji dan peralatan. Aset pajakan disusutnilai terhadap mana satu yang lebih pendek sama ada pada tempoh pajakan dan tempoh hayat kegunaannya. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai. Hartanah, loji dan peralatan masih dalam proses pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset berkenaan sedia untuk kegunaannya.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (d) Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)

##### (iv) Susutnilai (Sambungan)

Anggaran hayat kegunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• Pengubahsuaian	10 - 50 tahun
• Loji dan mesin-mesin	3 - 15 tahun
• Kenderaan bermotor	5 tahun
• Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	5 - 10 tahun
• Penyaman udara	10 tahun

Jumlah yang boleh disusutnilai ditentukan selepas menolak nilai baki.

Kaedah susutnilai, hayat kegunaan dan nilai baki adalah dinilai semula pada tarikh laporan dibuat.

#### (e) Aset pajakan

Pajakan yang diandai oleh Kumpulan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pada pengiktirafan awal, aset pajakan telah diambil kira pada jumlah yang sama yang lebih rendah antara nilai saksamanya dengan nilai semasa bayaran pajakan yang minimum. Selepas pengiktirafan awal, aset ini diambil kira menurut dasar perakaunan yang berkenaan dengan aset berkenaan.

Pajakan-pajakan lain merupakan pajakan operasi dan kecuali tanah pegangan pajakan dikelaskan sebagai hartanah pelaburan, aset pajakan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira Kumpulan. Kepentingan hartanah pegangan di bawah pajakan operasi, dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi kenaikan modal atau kedua-dua, adalah dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

##### ***Nota dasar perakaunan pada Tanah Pegangan Pajakan***

Tanah pegangan pajakan yang biasanya mempunyai hayat ekonomi indefinit dan hak milik tidak dijangka akan diserahkan kepada pemajak menjelang akhir tempoh pajakan tersebut adalah dianggap sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat untuk memulakan atau memperolehi tanah pajakan adalah dikira sebagai pembayaran pajakan terbayar dahulu yang akan dilunaskan berdasarkan tempoh pajakan menurut cara manfaat yang disediakan.

Pihak Kumpulan sebelum ini mengkelaskan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan dan telah mengiktiraf jumlah pembayaran pajakan terbayar dahulu sebagai hartanah pada hartanah, loji dan peralatannya. Waktu penggunaan awal FRS117, Pajakan, pihak Kumpulan menganggap pajakan sedemikian sebagai pajakan operasi, dengan jumlah dibawa belum dilunaskan dikelaskan sebagai pembayaran pajakan terbayar dahulu menurut provisi peralihan dalam FRS 117.67A.

##### ***Tanah pegangan pajakan dinilai semula***

Sebelum ini, pihak Kumpulan telah menilai semula tanah pegangan pajakannya dan telah mengekalkan jumlah dinilai semula yang belum dilunaskan sebagai nilai pegangan pengganti bagi pembayaran pajakan terbayar dahulu menurut provisi peralihan dalam FRS 117.67A. Pembayaran pajakan terbayar dahulu sedemikian telah dilunaskan menurut tempoh pajakan.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (f) Pelaburan lain

Pada tahun-tahun sebelum ini, pelaburan lain diiktiraf pada kos lebih rendah dan nilai pasaran. Pada tahun kewangan ini, pelaburan lain kini harga ditanda menurut pasaran dan perubahan dalam nilai saksama telah diiktiraf pada penyata pendapatan. Perubahan pada dasar perakaunan telah dinyatakan pada keputusan tahun semasa sebagai kesan terhadap Kumpulan adalah tidak penting. Jumlah tahun sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan semasa adalah RM517,177.

Selepas pengiktirafan awal, semua pelaburan lain adalah ditanda pada nilai pasaran tolak kos penghapusan.

#### (h) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai realisasi bersih. Kos inventori adalah berdasarkan kos purata berwajaran dan merangkumi perbelanjaan yang dikenakan dalam memperolehi inventori serta membawanya ke lokasi dan keadaan yang sedia ada. Bagi kerja yang sedang dilaksanakan dan inventori yang siap dikilang, kosnya termasuk bahagian overhead yang bersesuaian pada kapasiti operasi biasa. Nilai realisasi bersih merupakan anggaran harga jualan berdasarkan urusan biasa, tolak anggaran kos perbelanjaan siap dan jualan.

#### (i) Penghutang

Pelbagai penghutang pada awalnya diiktiraf pada kos semasa hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain dari entiti lain ditetapkan.

Kemudian pelbagai penghutang adalah dinyatakan pada nilai kos ditolak elaun hutang ragu.

Pelbagai penghutang tidak dipegang untuk tujuan urusan biasa.

#### (j) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki bank dan deposit dengan bank-bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang tidak mempunyai risiko perubahan ketara pada nilainya. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai adalah ditunjukkan sebagai overdraf bank bersih, jika ada.

#### (k) Penurunan nilai aset

Jumlah dibawa aset kecuali inventori ditinjau semula pada setiap tarikh laporan dibuat untuk menentukan sama ada terdapat sebarang indikasi penurunan nilai. Jika terdapat indikasi sedemikian wujud, aset kewangan yang boleh diperolehi semula akan ditaksirkan.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf jika nilai pegangan aset atau unit yang menjana tunai lebih daripada jumlah yang boleh diperolehi semula, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula yang kerugian penurunan nilai diiktiraf secara langsung terhadap sebarang lebihan penilaian semula bagi aset setakat kerugian penurunan nilai tidak melebihi jumlah dalam lebihan penilaian semula bagi aset yang sama. Unit yang menjana tunai merupakan kumpulan aset yang boleh dikenal pasti yang paling kecil dan dapat menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya adalah bebas daripada aset dan kumpulan lain. Kerugian penurunan nilai adalah diiktiraf pada penyata kewangan. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dari sudut unit menjana tunai akan diagihkan terlebih dahulu untuk mengurangkan nilai pegangan sebarang muhibah diagih kepada unit berkenaan dan seterusnya mengurangkan nilai pegangan aset lain dalam unit (kumpulan unit) berdasarkan asas pro rata.

Jumlah yang boleh diperolehi semula sesuatu aset atau unit yang menjana tunai adalah nilai penggunaan yang lebih besar dan nilai saksamanya ditolak kos jualan. Untuk menaksirkan nilai penggunaan, taksiran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian wang pasaran semasa dan risiko khusus aset tersebut.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (k) Penurunan nilai aset (Sambungan)

Dari aspek aset lain, kerugian penurunan nilai diiktiraf sebelum ini adalah dinilai pada setiap tarikh laporan untuk sebarang tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak wujud lagi. Kerugian penurunan nilai boleh dibalikkan semula jika terdapat perubahan dalam penaksiran yang digunakan untuk mempertimbangkan jumlah dibalikkan semula. Kerugian penurunan nilai hanya diperbalikkan setakat mana jumlah bawa aset tidak melebihi jumlah yang ditaksirkan, selepas sustnilai atau pelunasan, jika tiada penurunan nilai diiktirafkan. Pembalikan semula kerugian penurunan nilai adalah dikreditkan pada penyata pendapatan tahun kewangan yang pembalikan semula diiktiraf, melainkan ia membalikkan semula penurunan nilai bagi aset yang dinilai semula, ianya dikreditkan secara langsung pada lebihan penilaian semula. Apabila terdapat kerugian penurunan nilai pada aset yang dinilai semula telah diiktiraf sebelum ini dalam penyata pendapatan, pembalikan nilai kerugian penurunan nilai juga akan diiktiraf pada penyata pendapatan.

#### (l) Modal saham

##### *Perbelanjaan terbitan saham*

Kos tambahan secara langsung disebabkan oleh terbitan saham dan opsyen saham adalah dikelaskan sebagai ekuiti yang diiktiraf sebagai satu pengurangan dari ekuiti.

#### (m) Pinjaman

Pinjaman adalah dinyatakan pada kos pelunasan dengan sebarang perbezaan antara kos dan nilai tebusan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman dengan menggunakan cara pengiraan faedah yang efektif.

#### (n) Manfaat pekerja

##### *(i) Manfaat pekerja jangka pendek*

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek berkaitan dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahun berbayar dan cuti sakit dikira berdasarkan asas tanpa diskaun dan dianggap sebagai perbelanjaan berdasarkan servis berkaitan yang ditawarkan.

Satu provisi yang diiktiraf bagi jumlah yang dijangka untuk dibayar menurut bonus tunai jangka pendek jika pihak Kumpulan mempunyai obligasi perundangan atau membina untuk membayar jumlah ini berikutan servis yang telah ditawarkan oleh pekerja dan obligasi tersebut boleh dianggar dengan pasti.

Sumbangan Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah dicajkan pada penyata pendapatan tahun kewangan berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan berkenaan dibayar, pihak Kumpulan tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membuat pembayaran seterusnya.

##### *(ii) Rancangan manfaat tertakrif*

Obligasi bersih pihak Kumpulan dalam aspek rancangan persaraan manfaat tertakrif dikira berasingan bagi setiap rancangan dengan menganggarkan jumlah manfaat masa depan yang diperolehi oleh pekerja sebagai ganjaran untuk servis dalam tempoh semasa dan sebelumnya; dan manfaat ini adalah dikaji semula untuk menentukan nilai semasa dan nilai saksama aset rancangan ditolak. Kadar diskaun merupakan hasil pada tarikh kunci kira-kira berdasarkan bon korporate bermutu tinggi yang mempunyai tarikh matang lebih kurang setempoh dengan tempoh obligasi Kumpulan. Pengiraan berkenaan adalah dilaksanakan oleh pakar aktuari menggunakan kaedah kredit unit amalan. Apabila keputusan pengiraan memanfaatkan Kumpulan, aset diiktiraf adalah terhad kepada jumlah bersih bagi sebarang kos servis lalu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa bagi sebarang bayaran balik masa depan daripada rancangan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada rancangan berkenaan.

## NOTA PENYATA KEWANGAN

### 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (n) Manfaat pekerja (Sambungan)

##### *(ii) Pelan manfaat diiktirafkan (Sambungan)*

Apabila manfaat rancangan telah dipertingkatkan, bahagian manfaat yang ditambah berkaitan dengan servis lalu yang ditawarkan pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat berkenaan menjadi hak punya. Setakat manfaat menjadi hak punya dengan segera, perbelanjaan akan diiktiraf dengan segera dalam penyata pendapatan.

#### (o) Pemiutang

Pemiutang pada awal dan berikutnya Dinayatakan pada kos. Pemiutang diiktiraf apabila terdapat obligasi kontraktual untuk membayar tunai atau aset kewangan yang lain kepada entiti lain.

#### (p) Hasil

##### *Jualan barangan*

Hasil dari jualan barangan dikira pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, nilai bersih dari pulangan dan elaun, diskaun dagangan dan rebet. Hasil diiktiraf apabila risiko dan ganjaran utama bagi hak milik telah dipindah kepada pembeli, pembalikan semula pertimbangan berkenaan mungkin berlaku, kos bersekutu dan pulangan barangan yang mungkin berlaku boleh dianggarkan dan tiada sebarang penglibatan berterusan pihak pengurusan dengan barangan berkenaan.

##### *Pendapatan dividen*

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran dividen telah ditentukan.

#### (q) Pendapatan faedah dan kos peminjaman

Pendapatan faedah diiktiraf sebagai akru, menggunakan cara pengiraan faedah yang efektif.

